

25/05/2001

Ahli perlu hayati ketegasan Umno tangani politik wang

Kadir Dikoh

LEMBAGA Disiplin tak adil, berat sebelah dan tak telus! Itulah antara rungutan, terutama di kalangan penyokong pemimpin Umno peringkat bahagian yang didapati bersalah menggunakan wang dalam pemilihan bahagian baru-baru ini.

Hampir semua enam ahli, termasuk tiga ketua bahagian, mendakwa tidak bersalah, dianiaya dan cubaan membalas dendam.

Mungkin istilah yang tepat untuk kes mereka ini ialah amalan rasuah kerana berdasarkan sumber Lembaga Disiplin, tidak semuanya menggunakan wang ringgit. Rasuah meliputi maksud lebih meluas, termasuk mempengaruhi seseorang secara lisan.

Namun, jika yang didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin itu tidak mengaku bersalah, siapa pula yang bersalah? Isu ini terus menjadi bualan.

"Alah, dua-dua pun sama," kata seorang pemerhati merujuk kepada calon lawan ahli yang didapati bersalah mengamalkan politik wang itu. Jika benar wujud amalan politik wang, mengapa tidak dilaporkan kepada Lembaga Disiplin kes lawannya itu?

"Kita tunggulah keputusan lanjut Lembaga Disiplin. Lebih 300 kes dikemukakan kepada lembaga, takkan enam orang saja tersangkut," kata seorang ketua bahagian yang mengharapakan Umno benar-benar serius menangani masalah yang tidak pernah selesai itu.

Majlis Tertinggi (MT) Umno, Isnin lalu, menolak rayuan semua enam ahli Umno yang didapati bersalah kerana terbabit dengan politik wang pada pemilihan peringkat bahagian, baru-baru ini.

Dengan itu, ia menyokong dan memperakui semua keputusan yang dibuat Lembaga Disiplin, termasuk hukuman ke atas enam ahli terbabit.

Mereka ialah Ketua Umno Bahagian Gopeng, Mustafa Kamal Mohd Nawis; Ketua Penerangan Umno Bahagian Gopeng, Mohamad Annuar Baharuddin; calon Timbalan Ketua Umno Bahagian Bagan Serai, Zaki Din; Ketua Umno Bahagian Baling, Datuk Zainol Md Isa; Ketua Penerangan Umno Bahagian Selayang, Rahmat Abdullah dan Ketua Umno Bahagian Muar, Datuk Abdullah Omar.

Mereka didapati melakukan kesalahan seperti membawa anggota Umno melawat ke luar negara dan mengadakan lawatan secara rombongan.

Abdullah, Zainol, Mustafa Kamal, Rahmat dan Mohamad Annuar digantung hak untuk memilih, dipilih dan dilantik ke sebarang jawatan pada semua peringkat sehingga 2007, manakala Zaki pula digantung hak itu selama dua kali pemilihan parti peringkat cawangan, bahagian dan MT.

Lembaga Disiplin, badan bebas yang ditubuhkan Umno untuk menyasat aduan kes pelanggaran disiplin parti, kini mula dituduh menganiaya ahli. Ada yang mempertikai sejauh mana 'kebebasan' ahli panel lembaga itu.

Sebelum penubuhan lembaga itu, kes disiplin ahli dikendalikan oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno. Pelbagai tuduhan dilemparkan, termasuk kelayakan jawatankuasa itu mengendalikan kes disiplin dan kononnya banyak aduan 'disenyapkan'.

Bagi memenuhi hasrat ahli parti, Umno menubuhkan Lembaga Disiplin yang dipengerusikan bekas Naib Presiden parti, Tengku Ahmad Rithauddeen, Februari lalu.

Itu pun, masih ada rungutan di kalangan ahli dengan mempersoalkan kewibawaan lembaga berkenaan, pada hal mereka sendiri yang meminta dibentuk badan bebas untuk mengendalikan kes ahli yang melanggar etika pemilihan dalam parti, terutama bagi membanteras politik wang.

Memang banyak kaedah diperkenalkan sebelum ini, termasuk kod etika untuk

dipatuhi ahli, tetapi politik wang terus menular.

Bahkan selepas pemilihan peringkat bahagian selesai baru-baru ini, ada lagi ketua bahagian dikatakan membawa ahli melawat ke negara jiran sebagai balasan atas kemenangannya sedangkan ketika itu Lembaga Disiplin sedang sibuk membicarakan kes aduan politik wang.

Penyakit politik wang dalam Umno sudah beberapa kali menjadi tema yang dibangkitkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno yang lalu.

Presiden Umno itu selalu mengingatkan pemimpin dan ahli Umno sekiranya penyakit politik wang tidak diubat, ia akan membawa padah yang berat kepada masa depan parti.

Bahkan, Perdana Menteri mengingatkan sekiranya pemimpin Umno memilih orang yang korup, tidak mustahil pemimpin berkenaan pada suatu masa akan menggadaikan negara ini kepada orang lain.

Malangnya, amaran itu tidak memberi kesan seperti yang diinginkan Dr Mahathir. Politik wang seolah-olah menjadi darah daging dalam parti dan hanya tindakan tegas dan keras boleh mengubatnya.

Apakah dengan tindakan tegas Lembaga Disiplin dan sokongan kuat MT Umno kali ini berdasarkan hukuman yang dijatuhkan terhadap enam ahli terbabit, akan membantu menangani permasalahan ini?

Mungkinkah sistem penggunaan kuota dengan mengenakan syarat pencalonan minimum bagi ahli yang bertanding merebut pelbagai jawatan, termasuk pada peringkat bahagian, menyumbang kepada masalah politik wang?

Dr Mahathir ketika ditanya mengenai isu ini selepas majlis Memperingati Perjuangan Umno dan Pertemuan Presiden Umno Bersama Veteran sempena ulang tahun ke-55 Umno pada 11 Mei lalu, antara lain berkata sebenarnya mereka yang berbuat demikian adalah tamak.

Katanya, Umno mengenakan pelbagai syarat berkaitan pencalonan sebelum ini, tetapi kemudian diubah apabila ahli menyatakan ia tidak baik dan kembali kepada syarat asal, iaitu satu pencalonan boleh bertanding.

"Kita buat syarat macam-macam dah. Yang sebenarnya, tamak. Inilah masalah yang kita hadapi. Kalau rasa bertanggungjawab berjuang dalam parti kerana kepentingan parti, bukan kepentingan diri kita, kita tidak akan membuat sesuatu kerana kepentingan diri... yang boleh merosakkan parti. Itu asasnya," katanya. Apakah ini mencerminkan sikap orang Melayu yang terus tidak mahu menerima hakikat sebenar, ingkar dan tidak mahu mendengar nasihat? Apa pun yang dilakukan, semuanya tak betul. Apakah ia hanya akan dianggap betul apabila sesuatu kes itu memihak kepada mereka?

Lembaga Disiplin mengambil masa yang panjang dengan ahli panelnya memerah otak setiap Jumaat dan Sabtu menyiasat kes yang banyak.

"Kita tak menganiaya orang... bukan senang nak hukum orang tanpa bukti yang kukuh. Jika ada keraguan kita tolak. Kalau nak ikut, semua kata tak salah, tetapi kita lihat daripada segi lain secara menyeluruh.

"Lembaga Disiplin ada semua bukti. Takkan kita kata tidak terbabit kalau jelas orang itu main politik wang. Sampai bila pun orang ini akan kata tak salah, tetapi kita akan tetap kata salah berdasarkan siasatan menyeluruh," kata seorang ahli panel Lembaga Disiplin, Datuk Nakhaie Ahmad.

Katanya, siasatan yang dijalankan adalah secara menyeluruh berdasarkan bukti yang dikemukakan selain memanggil kedua-dua pihak pengadu serta orang yang didakwa terbabit dengan politik wang.

Mesyuarat MT, Isnin lalu, pula membuat satu lagi peraturan, iaitu mengarahkan semua ketua bahagian mengisytiharkan harta mereka selain tidak akan diberikan layanan oleh kerajaan jika ingin mendapatkan peluang perniagaan daripada kerajaan.

"Kita akan beritahu kerajaan, si folan ini adalah ketua bahagian dan sebarang perniagaan mereka dengan kerajaan tidak boleh diadakan. Namun, mereka bebas untuk menjalankan perniagaan mereka sendiri yang tidak

terbabit dengan kerajaan.

"Sesiapa yang ingin bertanding pada masa depan yang nampak begitu ghairah... kaya, mereka perlu memberi laporan mengenai harta mereka," kata Dr Mahathir pada sidang akhbar selepas mesyuarat MT itu.

Mungkin dengan berbuat demikian, keghairahan di kalangan ahli yang mengejar jawatan bagi memperoleh sesuatu projek daripada kerajaan, dapat dikurang atau dihapuskan.

Namun, apa yang kita harapkan ialah siasatan Lembaga Disiplin itu menyeluruh dan adil kepada kedua-dua pihak tanpa dipengaruhi tekanan daripada sesiapa pun.

Mereka juga perlu membezakan dua konsep - politik wang dan wang politik. Apa yang tidak dikehendaki ialah politik wang, iaitu apabila seseorang mengusahakan supaya pengundi memangkahnya tanpa melihat ketokohnya yang sebenar.

Tetapi, wang politik ialah apabila memberi belanja untuk makan, minum, tempat tinggal ketika perjalanan mesyuarat cawangan, bahagian dan perhimpunan agung sebagai suatu keperluan asas.

(END)